



**KENYATAAN MEDIA BERSAMA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA &  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI MALAYSIA**

**PELAKSANAAN PROGRAM KAWALAN PANDEMIK DAN  
VAKSINASI TERUS BERJALAN LANCAR**

Susulan perkembangan terbaru dalam tampuk pemerintahan negara, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) yang diterajui secara bersama oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia (MOSTI) ingin memaklumkan bahawa semua pelaksanaan usaha pengawalan pandemik dan vaksinasi negara diteruskan dengan lancar seperti yang telah dirancang.

Kementerian Kesihatan Malaysia terus melaksanakan langkah-langkah strategik yang telah dirancang bagi mengoptimumkan perkhidmatan penjagaan dan rawatan kesihatan awam di seluruh negara ketika berhadapan pandemik COVID-19 ini.

Di Lembah Klang, Pasukan Bertindak Khas Greater Klang Valley (GKV STF) meneruskan fokus kepada usaha logistik, Pusat Penilaian COVID-19 (CAC), Pemantauan Kendiri di Rumah dan memastikan Sistem Sokongan Sosial bagi petugas barisan hadapan di Lembah Klang terus berfungsi dengan baik.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah melaksanakan perolehan pelbagai jenis vaksin COVID-19 antaranya Pfizer, AstraZeneca dan Sinovac serta Cansino. Sehingga 16 Ogos 2021, sejumlah 33,879,979 dos telah dibekalkan untuk tujuan pemvaksinan. Dalam hal ini, perolehan dan

sumbangan vaksin COVID-19 ini dapat membantu Kerajaan mencapai sasaran imuniti kelompok di kalangan penduduk Malaysia.

Vaksin COVID-19 sangat berkesan terutamanya untuk mencegah daripada jangkitan COVID-19. Daripada 19,740 kes baharu yang dilaporkan pada 16 Ogos 2021, hanya 1.5% kes berada pada kategori 3-5 iaitu mereka yang memerlukan rawatan rapi kerana jangkitan paru-paru, memerlukan oksigen dan ventilator. Majoriti kes harian iaitu 85.13% adalah kes kategori 1 dan 2, yang tiada gejala dan bergejala ringan.

Selain itu, kes harian COVID-19 mencatatkan penurunan di Sarawak dan WP Labuan kesan daripada liputan imunisasi yang tinggi. Di Sarawak 81.5% penduduk dewasa telah menerima dua dos lengkap vaksin manakala di WP Labuan, 89.3% penduduk dewasa telah menerima dua dos lengkap vaksin. Impaknya, kes harian di Labuan mencatat sifar kes pada 14 Ogos dan hanya 5 kes harian pada dua hari lepas.

Selepas pelaksanaan Operasi Surge Capacity Klang Valley terdapat penurunan kes kemasukkan hospital & penggunaan katil di Unit Rawatan Rapi (ICU). Di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang jumlah kemasukkan harian pesakit menurun 50 peratus sejak seminggu lalu. Situasi yang sama berlaku di Pahang, bilangan pesakit kategori 3, 4 dan 5 mulai menurun.

Kementerian Kesihatan Malaysia akan terus melaksanakan pengurusan bersepadu COVID-19 di wilayah-wilayah lain di seluruh negara bagi mengoptimumkan sumber mengikut konsep *clustering* seperti yang dilaksanakan di Lembah Klang.

Dalam pada itu, Program Imunisasi COVID-19 (PICK) yang diterajui oleh MOSTI kini berada di landasan tepat dalam usaha negara untuk mencapai perlindungan yang dikehendaki pada Oktober ini. Setakat 16 Ogos 2021, peratusan populasi dewasa Malaysia yang telah lengkap divaksinasi mencapai 47.2% sementara lebih 73% telah sekurang-kurangnya menerima suntikan dos pertama.

Setakat ini, sebanyak lebih 28 juta dos suntikan telah diberikan di Malaysia. Momentum kadar pemberian vaksinasi negara juga terus kekal konsisten di mana pada semalam terus melepas 500,000 suntikan iaitu sebanyak 501,776 dos yang diberikan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 325,902 suntikan adalah untuk dos kedua, manakala 175,874 suntikan adalah untuk dos pertama.

Sehingga 16 Ogos juga, lebih empat negeri iaitu Sarawak, Negeri Sembilan, Perlis dan Melaka, serta Wilayah Persekutuan Labuan dan Lembah Klang telah mencatatkan peratusan populasi dewasa Malaysia melebihi 40% iaitu nilai ambang yang ditetapkan dalam Pelan Pemulihan Negara. Selebihnya, lima negeri telah mencapai kadar 30-39% (Pulau Pinang, Terengganu, Perak, Pahang dan Kedah) dan hanya tiga negeri (Kelantan, Johor dan Sabah) yang berada dalam kategori 20-29%. Namun begitu, mengambil kira penjadualan bekalan penghantaran vaksin pada bulan ini, kesemua negeri ini disasarkan akan mencapai nilai ambang tersebut pada akhir Ogos nanti.

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
MALAYSIA**

**KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MALAYSIA**

**18 OGOS 2021**